

## **Fakta berbeza, berita palsu cabaran dunia media**

***Suhaimi Mohsen***

***Berita Harian***, 19 August 2017

LANDSKAP media yang berubah dengan maklumat berpecah-pecah daripada pelbagai sumber menimbulkan cabaran baru.

Orang ramai tidak mempunyai fakta maklumat yang sama dan lantaran itu tidak mempunyai perbualan yang serupa, kata Pengarah Institut Pengajian Dasar (IPS), Encik Janadas Devan.

"Kerana percaya pada fakta yang berlainan, anda mungkin tidak melihat daripada sudut yang sama.

"Keadaan ini semakin besar dan perbualan menjadi satu cabaran," kata beliau pada hari kedua Forum Kewartawanan Asia di Hotel Orchard semalam.

Encik Devan berkata bahawa dahulu, sebelum perubahan berlaku ekoran perkembangan teknologi yang membuka ruang menerusi pelbagai saluran seperti Internet dan media sosial, masyarakat mendapat fakta yang sama.

Beliau menyebut contoh beberapa berita besar di Amerika seperti pembunuhan Presiden John F. Kennedy, pendaratan angkasawan di bulan, peristiwa serangan 9/11 dan pelbagai bencana - semua menonton program yang sama dan mendapat fakta yang sama.

"Pandangan mungkin berbeza tetapi ia berdasarkan fakta yang sama," kata beliau.

Selera penonton juga berubah.

Menurutnya, di Singapura pada 1960-an dan 1970-an, sekitar 80 peratus masyarakat menonton acara tahunan Rapat Hari Kebangsaan (NDR). Mungkin kerana ketika itu hanya ada dua saluran - bahasa Inggeris dan bukan Inggeris.

Kini, peratusannya tidak sampai 30 peratus. Hanya sekali ia mencecah 35 peratus - semasa Singapura menyambut Hari Kebangsaan ke-50.

"Ini adalah masalah yang kita hadapi.

"Landskap media sudah retak," kata Encik Devan, yang juga Ketua Komunikasi Pemerintah di Kementerian Perhubungan dan Penerangan..

Ia mempunyai kesannya - rakyat tidak mempunyai perbualan yang sama.

Dari segi ekonomi pula, landskap baru itu menjadi cabaran kepada media untuk bertakat, kata beliau.

Forum itu dianjurkan oleh IPS dan disokong Yayasan Temasek Connects. Ia dihadiri pembuat dasar dan profesional media dari rantau ini.

Sebanyak empat sesi perbincangan berlangsung semalam, berkisar pada berita palsu.

Dalam sesi pertama semalam, tiga ahli panel - Profesor Madya Farish Ahmad-Noor daripada Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS); Encik Eric Wishart, mantan ketua editor agensi AFP; dan Encik Wahyu Muryadi, Ketua Pegawai Perhubungan Korporat Media Tempo - membincangkan topik Masalah Berita Palsu di Asia.

Dr Farish, antara lain, berkata bahawa berita palsu telah wujud sejak abad ke-19 semasa peluasan kuasa penjajah. Berita diputar belit atas nama 'kemajuan' dan 'dagangan bebas'.

Encik Wishart pula berkata berita palsu menjadi senjata dalam media sosial, ada kala bagi menimbulkan ketegangan kaum dan memburukkan ahli politik.

Untuk menanganinya, beliau berkata AFP terpaksa melakukan pemeriksaan silang bagi berita yang dikeluarkan.

Encik Muryadi pula menyebut beberapa contoh berita palsu di Indonesia, terutama pada masa genting menjelang pilihan raya.

Tempo, ujarnya, terpaksa membentuk pasukan khas memeriksa fakta untuk mengesahkan maklumat berita bagi membantu pengundi membuat keputusan berdasarkan fakta yang tepat.

Semasa soal jawab, mereka bersetuju bahawa dalam era yang dipengaruhi gejala berita palsu, keutuhan kewartawanan mesti dipelihara dengan terus menyalurkan berita secara bertanggungjawab dengan memberi maklumat betul lagi tepat.